

UMNO tidak akan hampakan PM BN kembali berkuasa di Kelantan

UM 27/10/03

KOTA BHARU 26 Okt. — UMNO Kelantan tidak akan menghampakan harapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk melihat Barisan Nasional (BN) kembali berkuasa di negeri itu.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Mustapa Mohamed berkata, beliau sedar kedua-dua pemimpin tersebut bukan sahaja menaruh harapan tinggi untuk melihat kemenangan BN di Kelantan tetapi juga Terengganu.

Beliau berkata, kesemua Ketua UMNO Bahagian dan ahli-ahli mereka

kini bekerja keras untuk tidak menghampakan harapan kedua-dua pemimpin tertinggi itu.

“Kita tahu Dr. Mahathir dan Timbalannya meletakkan harapan tinggi kepada Kelantan dan Terengganu supaya menang dan kita, Insya-Allah tidak akan menghampakan harapan mereka,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan UMNO negeri, di Bangunan UMNO negeri, di sini hari ini.

Mustapa yakin suasana perpaduan yang semakin erat dan mantap di kalangan ahli-ahli UMNO sekarang akan memudahkan lagi usaha BN untuk meraih kemenangan besar semasa pilihan raya umum akan datang.

Selain itu, beliau turut berharap agar ahli-ahli UMNO semua peringkat menerima keputusan pucuk pimpinan berhubung calon pilihan raya.

“Saya harap ahli-ahli akur walau apa pun keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan dalam menentukan calon-calon bertanding dan yang penting bila tiba masa keputusan dibuat maka semua pihak hendaklah memberikan sokongan seratus peratus kepada calon yang dipilih,” katanya.

Menurutnya lagi, banyak isu berhubung kelemahan kerajaan negeri yang boleh dibangkitkan dan beliau yakin UMNO mampu meraih kemenangan mutlak.

Beliau menambah, tanda-tanda kemenangan UMNO semakin ketara sejak akhir-akhirnya ini berdasarkan bilangan bekas-bekas ahli Pas yang meninggalkan parti itu untuk menyertai UMNO bertambah ramai.

Katanya, ramai ahli-ahli Pas yang menyatakan persetujuan mereka untuk menyokong UMNO secara senyap-senyap kerana takut ditekan oleh pihak parti.

“Walau apa pun saya melihat keadaan ini sebagai satu petanda bahawa sudah ada semangat baru untuk membawa UMNO ke mercu kejayaan,” katanya.